

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**
[BUKIT GANTANG]
TARIKH : **18.6.2014 (SELASA)**
SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah graduan siswazah Perakaunan sejak tahun 2000 hingga 2013, mengikut kategori Bumiputera dan bukan Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik pengajian tinggi negara tahun 2013, jumlah graduan IPTA dalam bidang perakaunan sejak tahun 2008 sehingga tahun 2013 adalah seramai 1138 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 880 orang pelajar adalah terdiri daripada graduan Bumiputera sementara 258 orang pelajar adalah Bukan Bumiputera.

Manakala untuk graduan IPTS berdasarkan kepada rekod di Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga 1 Mei 2014, terdapat seramai 6,944 orang graduan Perakaunan yang telah mengikuti pengajian mengikut peringkat pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang terdiri daripada Bumiputera dan bukan Bumiputera. Daripada jumlah tersebut, seramai 1840 orang pelajar adalah terdiri daripada graduan Bumiputera sementara seramai 5104 orang pelajar adalah Bukan Bumiputera.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-

- (a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan dasar “harga lantai” bagi komoditi getah asli; dan
- (b) Apakah tindakan dan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kejatuhan harga getah asli ke paras yang rendah ketika ini dan apakah prospek masa depan getah asli negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Berhormat, Kerajaan buat masa ini sedang mempertimbangkan satu mekanisma "*social safety net*" yang sesuai bagi membantu pekebun kecil getah menangani kesan kejatuhan harga getah. Di bawah mekanisma ini, Kerajaan akan menetapkan satu paras harga yang sesuai dan munasabah kepada pekebun kecil. Ini bertujuan untuk memastikan golongan ini mendapat pendapatan yang berpatutan serta mengurangkan beban kewangan mereka akibat kejatuhan harga getah. Tarikh pelaksanaan mekanisma ini akan ditentukan selepas cadangan ini diluluskan oleh Kerajaan.
- (b) Di peringkat antarabangsa, menerusi *International Tripartite Rubber Council* (ITRC), Malaysia bersama dengan Thailand dan Indonesia sedang giat membincang langkah-langkah yang lebih berkesan yang harus diambil untuk memperkukuhkan harga getah di pasaran. Satu persetujuan dijangka akan dicapai dalam masa terdekat.

Berhubung dengan prospek masa depan getah asli negara, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada beberapa laporan, penawaran getah asli dijangka berlebihan berbanding dengan permintaan menjelang tahun 2020 dan ini akan memberi kesan negatif kepada harga getah. Berdasarkan kepada senario ini, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada mengukuhkan

aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan produk-produk baharu berasaskan getah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG
RENGGAM]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 105

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah penguatkuasaan ke atas pemilik kenderaan yang menggunakan cermin gelap serta nombor pendaftaran kenderaan yang tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin ditegaskan dalam Dewan Yang Mulia ini, aktiviti penguatkuasaan terhadap cermin gelap sentiasa dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) secara berterusan dan dari semasa ke semasa. Berdasarkan kepada perangkaan penguatkuasaan, bilangan kes yang dikesan dan diambil tindakan pada tahun 2013 adalah sebanyak 76,802 kes berbanding 51,431 kes pada tahun 2012 dengan peningkatan sebanyak 33%. Sehingga April 2014 pula, bilangan kes yang dikesan adalah sebanyak 35,764.

Tindakan saman akan dikenakan terhadap pemandu atau pemilik kenderaan yang memasang cermin gelap tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Selain tindakan saman, notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1) juga dikeluarkan bagi memastikan pemandu atau pemilik memperbaiki kesalahan tersebut. Sebelum notis tersebut dibatalkan, pemandu atau pemilik perlu membawa kenderaan mereka ke mana-mana pejabat JPJ untuk pemeriksaan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung isu penggunaan nombor pendaftaran yang tidak mengikut spesifikasi ditetapkan, pihak JPJ juga sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi menangani isu tersebut. Berdasarkan perangkaan dari JPJ, bilangan kes yang dikesan dan diambil tindakan berhubung

kesalahan tersebut pada tahun 2013 adalah sebanyak 60,372 kes berbanding tahun 2012 sebanyak 24,553 kes dengan peningkatan sebanyak 59%. Sehingga April 2014, sebanyak 27,558 kes telah diambil tindakan saman. Penguatkuasaan terhadap kedua-dua kesalahan yang melibatkan penggunaan cermin gelap dan nombor pendaftaran yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan, adalah menjadi fokus utama penguatkuasaan khususnya pada tahun 2014.